

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH :

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam usaha mengawal kawasan tadahan air hujan serta kawasan pelancongan berasaskan alam sekitar agar hutan yang ada tidak diteroka tanpa kawalan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam usaha mengawal kawasan tadahan air adalah seperti berikut:

- (i) Mengenal pasti kawasan di dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang penting sebagai kawasan tadahan air danewartakan kawasan tersebut sebagai Hutan Tadahan Air mengikut peruntukan subseksyen 10(1)(e), Akta Perhutanan Negara 1984 (APN, 1984). Kawasan ini dikategorikan sebagai Hutan Perlindungan di mana sebarang aktiviti pengusahaan hutan tidak dibenarkan; dan
- (ii) memantau status pewartaan kawasan Hutan Tadahan Air dalam HSK dan melaporkan status berkenaan di dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN). Sehingga 31 Disember 2014, seluas 734,731 hektar kawasan di dalam HSK telah diwartakan sebagai Hutan Tadahan Air.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) juga bekerjasama rapat dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk membangunkan produk-produk ekopelancongan yang berkualiti dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab biodiversiti dunia. Bagi memastikan kelestarian destinasi ekopelancongan di Malaysia, MOTAC telah mewujudkan satu Garis Panduan dalaman yang diguna pakai dalam

perancangan dan penilaian pembangunan infrastruktur di kawasan ekopelancongan bagi mengurangkan kesan pembangunan terhadap ekosistem alam semula jadi. Garis Panduan ini secara amnya menekankan kepada konsep pembangunan lestari dengan mensyaratkan setiap pembangunan perlu menitikberatkan impak paling minima pada alam sekitar seperti penebangan pokok-pokok yang minimum, penggunaan teknologi hijau dan penggunaan kaedah serta bahan pembinaan yang mesra alam. MOTAC juga melantik Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran sebagai Agensi Pelaksana bagi kerja-kerja pembangunan infrastruktur di kawasan ekopelancongan.

Sekian, terima kasih.